

26/10/2000

PBRS ada tugas besar bantu BN majukan Sabah

KOTA KINABALU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) mempunyai tanggungjawab besar bagi memastikan kesejahteraan dan kestabilan rakyat terus terjamin di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, sebagai anggota BN, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) tidak terkecuali dalam memainkan peranan itu, terutama dalam menjamin BN di Sabah terus diyakini rakyat.

Beliau berkata demikian dalam kata-kata aluannya yang dimuatkan dalam buku cenderamata sempena Kongres Tahunan PBRS pada 27 hingga 29 Oktober ini.

"Parti komponen BN di negeri ini harus berusaha memupuk rakyat yang berfikiran terbuka dan rasional supaya dapat sama-sama bersaing dalam apa jua bidang dengan kaum lain di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, pemikiran sempit yang hanya berasaskan kepada kesukuan dan kenegerian tidak membawa faedah kepada rakyat atau negara.

"Oleh itu, saya harap ini akan menjadi matlamat utama PBRS dan semua parti komponen BN Sabah dalam menempuh cabaran alaf baru ini," katanya.

Beliau berkata, berbekalkan semangat 'Malaysia Boleh' dan 'Sabah Boleh', beliau percaya BN Sabah boleh melakukannya.

Perdana Menteri berkata, perpaduan adalah aset penting dalam meneruskan perjuangan BN untuk membela nasib rakyat dan memajukan negara.

(END)